


B/H 2015/12 MS 20

Khazanah hutan
bakau berusia lebih
400,000 tahun
bagai gedung ilmu
di Pulau Langkawi

KILIM GEOFOREST PARK

JEJAK

SUNGAI KILIM





Oleh Hamzah Osman
bminggu@bharian.com.my

TERPANCAR riak kepuasan dan keseronokan pada wajah 20 wakil media tempatan selepas menamatkan aktiviti Kembara Media Fotografi (KMF) selama sehari di pulau pelancongan Langkawi, baru-baru ini.

Pengalaman menyusuri Sungai Kilim pada awal pagi yang mempunyai khazanah hutan bakau yang dikatakan berusia lebih 400,000 tahun selain fosilnya yang mencecah 500 juta tahun, amat menyeronokkan. >>





Burung Helang (*Brahminy Kites*) yang menghuni sekitar Sungai Kilim.

Wakil media turut menyertai acara 'Animal Talk' ketika mengunjungi Taman Hidupan Liar Langkawi.

Wakil media turut berpeluang memberi ikan pari makan ketika singgah Restoran Hole In The Wall.

« Tanpa lengah, lensa kamera kami dihalakan ke kiri dan kanan sungai untuk merakamkan hutan bakau yang menjadi sempadan memisahkan sungai dan banjaran di sekelilingnya.

Malah, hutan bakau yang hidup subur kerana terhindar dari pencemaran dan masih belum terusik oleh pembangunan ini turut menjadi habitat kepada ratusan burung helang dari spesies *Brahminy Kites*.

Walaupun pada permulaannya rasa takut menyelubungi diri pada sesetengah wakil media, lebih-lebih lagi ada antara ahli kumpulan menghadapi masalah *hidrofobia* (fobia air) dan tidak pernah mencuba aktiviti lasak ini.

Terpegun - itulah ungkapan yang tepat sebaik melihat beribu-ribu kelawar bergantung dalam kegelapan di dinding Gua Kelawar yang kami lawati. Kami mengambil kesempatan merakamkan 'rumah kelawar' ini untuk kenangan.

Ahli rombongan seterusnya dibawa meneroka dan melihat sendiri pembentukan stalagmit dan stalaktit di sepanjang 60 meter laluan konkrit yang dibina merentasi gua. Apa yang menarik, Gua Kelawar menerima menerima lebih 500 pengunjung sehari.

Selepas meninggalkan Gua Kelawar, kami sekali lagi menyusuri Sungai Kilim yang pernah dipopularkan ke peringkat antarabangsa melalui pembikinan semula filem *Anna and the King* pada 1999.

Kami dimaklumkan, pokok bakau di kawasan itu merangkumi spesies terancam yang semakin kurang ditemui di tempat lain di Malaysia seperti jenis '*xylocarpus*', '*acanthus*', '*aegicerus*', '*derris*', '*cyphiphora*' dan '*lumnitzera*'.

Malah, dikatakan kajian terbaru menunjukkan spesies bakau seperti '*plucea*' dan '*acanthus*' mempunyai nilai perubatan herba.

Tiba di satu lokasi, kami dikejutkan dengan ratusan helang berlegar dan menjunam menyambar makanan. Penulis dan peserta lain terpegun melihat helang berterbangan bersilih ganti seperti kumpulan merpati.

Kami seterusnya tiba di Gua Langsir iaitu sebuah gua semula jadi yang unik kerana mempunyai tasik di dalamnya. Jeti sepanjang kira-kira 100 meter turut dibina bagi memudahkan pengunjung ke gua berkenaan.

'Wah! cantiknya batu-batan di sini' - itulah kata-kata pertama yang keluar dari mulut seorang peserta rombongan setibanya kami di Pulau Anak Tikus yang tidak dinafikan cukup indah.

Selepas meninggalkan kawasan Kilim Geoforest Park, ahli rombongan tiba pula di Sangkar Ikan dan Restoran Hole In The Wall milik usahawan, Rahmad Md Din. Di sini, peserta rombongan berpeluang memberi ikan pari, kerapu dan yu bersaiz XL makan di tangan, selain beramai-ramai mengabadikan gambar kenangan.

Sejurus itu, kami meneruskan perjalanan ke Taman Hidupan Liar Langkawi (THLL) untuk merakamkan gambar kira-kira 100 burung eksotik dan jarang ditemui terbang bebas dalam sebuah sangkar gergasi.

Berkonsepkan mesra alam, di taman itu pengunjung boleh mendekati burung dan sebahagian haiwan liar ketika dalam sangkar kerana kebanyakannya dijinakkan oleh kakitangan pusat pelancongan itu.

Pengunjung juga dibenarkan memegang, memberi makan dan merakamkan gambar bersama haiwan jinak di taman berkenaan. Namun, tidak boleh keterlaluan kerana kelakuan semua pengunjung diawasi pihak pengurusan menerusi kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan keselamatan haiwan di situ.

Wakil media cetak dan elektronik yang semakin ceria turut menyertai beberapa aktiviti termasuk 'Animal Talk' yang dianjurkan oleh pihak pengurusan THLL sepanjang kira-kira dua jam berada di taman itu.

Destinasi terakhir KMF adalah ke pusat pelancongan popular di pulau bekas sumpahan Mahsuri iaitu *Underwater World Langkawi* di Pantai Chenang yang mencipta nama sebagai pusat pembiakan penguin di negara ini.

Pada sebelah malam, peserta rombongan dibawa menikmati jamuan makan malam di Favehotel Chenang Beach, sebelum bertolak pulang ke destinasi masing-masing pada awal pagi.



Antara jenis bantuan yang terdapat di sekitar Kilim Geoforest Park, Langkawi, Kedah.

Antara suasana di sekitar Kilim Geoforest Park.



Pemandangan indah di Pulau Anak Tikus.

B/H 20/5/12
21

